



Khabar angin Pak Lah meninggal dunia tidak benar

m/s: 19

Sinar Harian - 3/8/2020



Hantaran Facebook Izad Raya berkongsi hantaran gambar oleh Kamaluddin yang menunjukkan Pak Lah sedang menonton televisyen semalam.

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi kini berada dalam keadaan sihat, sekali gus menafikan khabar angin mengatakan beliau yang lebih dikenali sebagai Pak Lah telah meninggal dunia.

Perkara itu disahkan oleh pihak pengurusan Galeri Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam satu kenyataan semalam.

“Pengurusan Galeri mendapati terdapat penularan berita palsu melalui WhatsApp mengenai keadaan kesihatan Tun Abdullah yang merosot.

“Beliau dalam keadaan sihat di samping keluarga tersayang. Pengurusan galeri menafikan penularan berita tidak benar tersebut.

“Orang ramai digesa untuk tidak menyebarkan berita yang tiada kesahihan kerana dibimbangi mencetuskan kegusaran orang ramai,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, bekas Setiausaha Akhbar Abdullah, Izad Raya dalam satu hanta-

ran di Facebook turut berkongsi hantaran gambar oleh anak Abdullah, Kamaluddin yang menunjukkan bekas Perdana Menteri itu sedang menonton televisyen.

“Kepada yang bertanya terutama yang bertanggungjawab mula menyebarkan berita tidak benar, beliau dalam keadaan sihat dan sedang fokus menonton televisyen rancangan pelumbaan F1,” tulis beliau.

Difahamkan, satu kenyataan penjelasan daripada pejabat Abdullah akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Abdullah dilahirkan pada 26 November 1939 kini berusia 81 tahun. Beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri kelima, juga sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bermula 31 Oktober 2003 hingga 3 April 2009.

Konsep Islam Hadhari menjadi menjadi benteng dan corak kepimpinannya sepanjang beliau menerajui negara.